

Nama: _____

Latihan 1

Susun perenggan supaya menjadi karangan syarahan mengikut urutan yang betul.

Hadirin Sekalin,

Saudara dan saudari sekalian,

Hadirin yang dihormati,

Selain mendapat maklumat, membaca juga boleh mengisi masa lapang kita. Jika kita menjadikan sifat membaca sebagai amalan, sudah tentu masa kita tidak terbuang begitu sahaja. Jadi, kita boleh mengelakkan diri daripada melakukan perkara yang tidak berfaedah seperti bermain-main dan merayau-rayau di kedai-kedai dan sebagainya.

Membaca adalah satu amalan yang mulia. Antara kepentingan membaca ialah membaca boleh memberi manfaat kepada kita semua. Melalui pembacaan, kita dapat mengetahui pelbagai perkara. Contohnya melalui surat khabar. Akhbar merupakan sumber maklumat dan menyiarkan pelbagai peristiwa yang berlaku di seluruh dunia.

Yang dihormati Tuan Pengerusi Majlis, Tuan Guru Besar, guru-guru, rakan-rakan dan hadirin sekalian. Assalamualaikum dan selamat sejahtera. Tajuk syarahan saya ialah 'Kepentingan Membaca'.

Oleh itu, kita mestilah menjadikan tabiat suka membaca sebagai amalan hidup. Manusia yang suka membaca adalah manusia yang mempunyai banyak ilmu. Sekian, terima kasih.

Di samping itu, membaca boleh memperbaiki penguasaan bahasa kita. Melaluinya kita boleh menambah perbendaharaan kata. Justeru, kemahiran berbahasa akan semakin baik dan kita dapat berkomunikasi dengan lebih berkeyakinan.